

**D.R. 43/2017**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang Tara (Pindaan) 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan am**

2. Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan perkataan “Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia)”.

**Perubahan nama**

3. (1) Semua sebutan mengenai Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, surat ikatan, hakmilik, dokumen, bon, perjanjian atau perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia).

(2) Semua perbuatan di bawah Akta ini, kelulusan, arahan, notis, garis panduan, pekeliling, nota panduan, nota amalan, keputusan, pemberitahuan, pengecualian dan tindakan eksekutif lain, tidak kira bagaimana jua disebut, dilakukan, diberikan atau dibuat oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya, sehingga dipinda, digantikan, ditamatkan atau dibatalkan.

---

**HURAIAN**

Akta ini bertujuan untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 (“Akta 646”). Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk menukarkan nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) sebagai inisiatif Kerajaan dalam usaha penjenamaan semula dan menggiatkan semula Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur bagi mewujudkan platform yang kukuh untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju pusat penyelesaian pertikaian alternatif di rantau Asia Pasifik dan di persada antarabangsa.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am yang berhubungan dengan penukaran nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia).

4. *Fasal 3* mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan kesan penukaran nama Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur kepada Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia).

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3091]